



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

2 OKTOBER 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU : PERLINDUNGAN PERKESO

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	2 OKTOBER 2017 (ISNIN)	SINAR HARIAN Pandu tanpa dilindungi PERKESO	PERKESO

AKHBAR : SINAR HARIAN

Pandu tanpa dilindungi PERKESO

BANDARAYA MELAKA - Masih ramai kalangan pemandu Uber dan GrabCar yang keliru untuk mendaftar Skim Pekerjaan Sendiri (SPS) Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso). Pengurus Besar Bahagian SPS Perkeso, Mohd Shahar Ismail berkata, ini kerana rata-rata mereka hanya melakukan pekerjaan itu sebagai separuh masa dan mempunyai pekerjaan tetap yang mana caruman Perkeso sudah dibuat majikan. "Saya tegaskan di sini, sekiranya berlaku kemalangan ketika memandu Uber atau GrabCar, mereka sebenarnya tidak dilindungi Perkeso biarpun sudah mendaftar di bawah majikan satu lagi.

"Faedah perlindungan hanya berkuat kuasa untuk kemalangan membabitkan pekerjaan di bawah majikan terbabit dan bukannya sebagai pemandu Uber atau GrabCar. Hal ini telah berlaku salah faham," katanya. Justeru, beliau menasihatkan mereka yang terlibat dengan perkhidmatan Uber atau GrabCar supaya membuat pendaftaran untuk SPS, biarpun sekadar memandu Uber hanya sekitar dua atau tiga jam sehari. Sementara itu, katanya, pihaknya sudah melakukan pelbagai kaedah dengan tujuan dapat memberi kefahaman dan kesedaran bagi pemandu Uber dan GrabCar termasuk mengadakan pertemuan dengan syarikat pengurusan masing-masing.

"Biarpun mereka turut memberikan kerjasama amat baik dengan menyebarkan maklumat mengenai kepentingan mendaftar skim SPS ini menerusi beberapa saluran tetapi keputusan bergantung pada setiap individu. "Sehingga kini jumlah yang mendaftar di seluruh negara amat kecil sekali apabila tidak sampai 1,000 orang pun yang berbuat demikian," katanya ketika merasmikan SPS bagi pemandu GrabCar negeri Melaka 2017 di Wisma Perkeso di Ayer Keroh di sini, kelmarin. Hadir sama, Pengarah Perkeso Melaka, Fadhilah Hamil.

Pada majlis berkenaan, lebih 30 pemandu GrabCar hadir mendengar taklimat yang turut diselitkan dengan sesi soal jawab dan pendaftaran. Semua pemandu Uber, GrabCar dan teksi diwajibkan mendaftar dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 di bawah Perkeso berkuat kuasa 1 Jun lalu. Ia dikuatkuasakan kepada semua pemandu teksi berdaftar dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) bagi Sabah dan Sarawak termasuk perkhidmatan seperti GrabCar dan Uber.

ISU : TUNTUTAN FAEDAH PERKESO

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	2 OKTOBER 2017 (ISNIN)	HARIAN METRO Tak tunjuk “tanda”	PERKESO

AKHBAR : HARIAN METRO

Tak tunjuk “tanda

Johor Bahru: “Selain pening, suami tidak menunjukkan tanda ketara mengalami barah buah pinggang tahap empat namun doktor mengesahkan suami yang juga bekas pemandu lori berpeluang tipis untuk sembuh kerana sel kansernya merebak ke paru-paru dan tulang belakang,” kata Airen Suradi, 37, isteri kepada pesakit kanser, Arsian Ariffin, 40. Arsian disahkan menghidap kanser buah pinggang dan kini hanya terlantar di rumah mereka di Taman Daya, di sini, sejak Mei lalu.

Airen berkata, suaminya mengalami pening hingga berhenti kerja November lalu mengakibatkan keluarganya bergantung sepenuhnya kepada simpanan keluarga. “Bagaimanapun hasil laporan perubatan Januari lalu doktor mengesahkan suami saya mengalami barah tahap empat. “Sebelum ini, berat badannya adalah 67 kilogram namun kini dia susut 20 kilogram kerana tiada selera makan dan kehilangan banyak zat dalam badan,” katanya.

Airen yang berasal dari Indonesia tetapi mendapat taraf penduduk tetap berkata, suaminya tidak dibenarkan menjalani rawatan kimoterapi berikutan tubuhnya terlalu lemah. Menurutnya, dia menjaga suaminya sepanjang masa selain menjaga anak tunggal mereka, Muhammad Syafiq, lima tahun. Katanya, setiap kali suami dimasukkan ke hospital dia mendapatkan bantuan kenalan untuk menjaga Muhammad Syafiq kerana perlu menemani suami di hospital. “Suami juga mengalami kekurangan darah dan buat masa ini dia bergantung sepenuhnya kepada susu khas disyorkan doktor.

“Kos bulanan yang kami tanggung untuk suami melebihi RM1,000 termasuk pembelian susu dan lampin pakai buang. “Simpanan keluarga hanya tinggal sedikit dan buat masa ini kami menggunakan wang disedekahkan keluarga dan rakan,” katanya. Berikutan itu, Airen merayu orang ramai menyalurkan sumbangan ke akaun RHB 10129160047437 bagi meringankan beban mereka sekeluarga. “Kami sudah memohon bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Johor (Maij) namun difahamkan ia masih dalam proses. “Permohonan termasuk tuntutan faedah daripada Pertubuhan Kebajikan Sosial Pekerja (PERKESO) kerana ketika mula-mula suami menghidap penyakit itu, dia masih bekerja,” katanya.